

KERTAS KONSEP AM PERTANDINGAN e-ACTIV JAM SENAM AEROBIK KPM-MILO 2020

1. PENDAHULUAN

Pertandingan Senam Aerobik ini adalah anjuran Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bersama syarikat Nestle Malaysia Sdn. Bhd. (MILO). Pertandingan ini dianjurkan buat kali pertama pada 26 hingga 27 Oktober 2018 di Kompleks Darul Putri, Jalan Cheras Kuala Lumpur seterusnya menjadi acara tahunan sehingga kini. Pertandingan ini menyasarkan murid sekolah kebangsaan yang berada di tahap 2 yang bersekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan e-Activ Jam Senam Aerobik KPM-MILO 2020.

Pertandingan ini terbahagi kepada tiga kategori, iaitu;

- 2.1 **Kategori Individu** (seorang murid)
- 2.2 **Kategori Keluarga** (3 peserta bersama Murid)
- 2.3 **Kategori Muhibah** (3 peserta berlainan kaum/etnik)

3. PENGELOLA

3.1 Peringkat Kebangsaan - Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Nestlé Products Sdn. Bhd.

3.2 Peringkat Negeri – Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Nestlé Products Sdn. Bhd. JPN perlu menubuhkan jawatankuasa yang akan menjadi urusetia di peringkat negeri.

4. JENIS SUKAN

Jenis sukan yang dipertandingkan adalah **SENAM AEROBIK**.

5. HADIAH DAN SIJIL

Setiap peserta Pertandingan e-ACTIV JAM Senam Aerobik KPM-MILO 2020 akan menerima sijil penyertaan dari pengelola pertandingan.

5.1 Hadiah untuk pemenang Kategori Individu Negeri (16 Negeri)

- i. Tempat Pertama : RM 300.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM200 barangan)
- ii. Tempat Kedua : RM 200.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM100 barangan)
- iii. Tempat Ketiga : RM 100.00 + sijil pencapaian
(RM50 + RM50 barangan)

5.2 Hadiah untuk pemenang Kategori Individu Kebangsaan (3 Pasukan)

- i. Tempat Pertama : RM 500.00 + sijil pencapaian
(RM200 + RM300 barangan)
- ii. Tempat Kedua : RM 300.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM200 barangan)
- iii. Tempat Ketiga : RM 200.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM100 barangan)

5.3 Hadiah untuk pemenang Kategori Keluarga Negeri (16 Negeri)

- i. Tempat Pertama : RM 500.00 + sijil pencapaian
(RM200 + RM300 barangan)
- ii. Tempat Kedua : RM 300.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM200 barangan)
- iii. Tempat Ketiga : RM 200.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM100 barangan)

5.4 Hadiah untuk pemenang Kategori Keluarga Kebangsaan (3 Pasukan)

- i. Tempat Pertama : RM 800.00 + sijil pencapaian
(RM300 + RM500 barangan)
- ii. Tempat Kedua : RM 500.00 + sijil pencapaian
(RM200 + RM300 barangan)
- iii. Tempat Ketiga : RM 300.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM200 barangan)

5.5 Hadiah untuk pemenang Kategori Muhibbah Kebangsaan (3 Pasukan)

- i. Tempat Pertama : RM 800.00 + sijil pencapaian
(RM300 + RM500 barangan)
- ii. Tempat Kedua : RM 500.00 + sijil pencapaian
(RM200 + RM300 barangan)
- iii. Tempat Ketiga : RM 300.00 + sijil pencapaian
(RM100 + RM200 barangan)

6. PENYERAHAN VIDEO

- 6.1 Penghantaran penyertaan kategori **INDIVIDU** adalah bermula 00:00:01 A.M. pada 1 Ogos 2020 sehingga 11:59:59 P.M. pada 31 Ogos 2020.
- 6.2 Penghantaran penyertaan kategori **KELUARGA** adalah bermula 00:00:01 A.M. pada 1 Ogos 2020 sehingga 11:59:59 P.M. pada 31 Ogos 2020.
- 6.3 Penghantaran penyertaan kategori **MUHIBBAH** adalah bermula 00:00:01 A.M. pada 20 September 2020 sehingga 11:59:59 P.M. pada 10 Oktober 2020.
- 6.4 Penyertaan Peringkat Kebangsaan akan diputuskan oleh JPN masing-masing dan borang dihantar bermula 00:00:01 A.M. pada 20 September 2020 sehingga 11:59:59 P.M. pada 10 Oktober 2020.
- 6.5 Pada bahagian video dalam borang penyertaan, muat naik video ke Youtube dan tetapkan dengan paparan 'Unlisted'. Kemudian dapatkan pautan dan masukkan di ruangan yang disediakan. Namakan tajuk video

pada format berikut: NEGERI | KATEGORI | NAMA SEKOLAH/INDIVIDU
(bagi kategori Muhibbah tidak perlu nama sekolah atau individu).

6.6 Keperluan Penyerahan Video

- i. Video penyertaan dan borang penyertaan boleh dihantar SEKALI sahaja.
- ii. Video ini perlu dirakam dari tempat yang lebih tinggi supaya semua peserta dapat dilihat dengan jelas di dalam rakaman video.
- iii. Kamera video mesti diletakkan di satu tempat tetap dan tidak boleh digerakkan sepanjang rakaman atau diambil dari mana-mana program.
- iv. Video ini mesti dirakam bersama muzik berdurasi 1 minit 20 saat (+/- 5 saat)

7. PERATURAN AM

Peraturan am ini perlu dibaca bersama dengan peraturan pertandingan yang disertakan di Lampiran B dan kriteria pemarkahan di Lampiran C.

7.1 URUSETIA PENGELOLA

- i. Peringkat Kebangsaan – BSKK dibenarkan untuk melantik 7 orang urusetia, untuk melaksanakan pertandingan ini.
- ii. Peringkat Negeri – JPN dimohon untuk melantik sekurang-kurangnya seorang atau lebih urusetia untuk menyelaras pertandingan ini (mengikut keperluan). Sila daftarkan sebelum atau pada 31 Julai 2020 di <https://forms.gle/LCCSPoyUbssDbR1N7>



7.2 KELAYAKAN

Murid dibenarkan menyertai hanya satu kategori sahaja.

i. Kategori Individu

- a. Penyertaan peserta berasaskan Individu.
- b. Murid warganegara Malaysia yang bersekolah sepenuh masa di sekolah yang berdaftar di bawah KPM.
- c. Sekolah boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.

ii. Kategori Keluarga

- a. Penyertaan peserta mesti dari kalangan ahli keluarga.
(3 peserta – Seorang murid tahap 2 + 2 orang ahli keluarga terdekat)
- b. Murid warganegara Malaysia yang bersekolah sepenuh masa di sekolah yang berdaftar di bawah KPM.

iii. Kategori Muhibbah (Khas mewakili JPN)

- a. Penyertaan 3 peserta tahap 2 dari 3 kaum/etnik serta dari 3 buah sekolah yang berbeza / satu sekolah yang sama.
- b. Murid warganegara Malaysia yang bersekolah sepenuh masa di sekolah yang berdaftar di bawah KPM.

7.3 HAD UMUR PESERTA

- i. Penyertaan murid bagi kategori individu dan Muhibbah terdiri daripada murid Tahap 2 sahaja.
- ii. Kategori keluarga terdiri dari seorang murid Tahap 2 dan disertai oleh dua ahli keluarga (tiada had umur)

7.4 PENDAFTARAN & NOTIS PRIVASI (LAMPIRAN A)

Kategori Individu dan Keluarga (Peringkat Negeri)

- i. Pendaftaran hendaklah mendapat pengesahan guru besar sekolah dengan menggunakan borang pendaftaran yang disediakan.
- ii. Pendaftaran dibuka bermula pada 1-31 Ogos 2020.
- iii. Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri akan memproses data peribadi setiap peserta untuk tujuan pertandingan ini sebagai pengguna data dan melantik pihak Nestlé Products Sdn Bhd untuk memproses data peribadi setiap peserta untuk memberikan sokongan pentadbiran kepada pihak-pihak tersebut sebagai pemproses data, termasuk pengumuman pemenang. Peserta juga memberi kebenaran kepada kesemua pihak-pihak tersebut untuk menggunakan nama, gambar dan video peserta-peserta bagi tujuan pengiklanan pertandingan tersebut pada masa hadapan tanpa sebarang pampasan tambahan.

7.5 PERTANDINGAN AKHIR (KEBANGSAAN)

- i. 3 pasukan terbaik kategori individu dan keluarga dari setiap negeri serta kategori muhibbah mewakili JPN akan bertanding ke peringkat Kebangsaan.
- ii. Penghantaran semula video bagi kategori individu dan keluarga yang layak ke peringkat kebangsaan bermula pada 20 September - 10 Oktober 2020.

7.6 PERATURAN TEKNIKAL

- i. Persembahan mestilah mengikut SOP yang ditetapkan kerajaan. (Tiada sebarang sentuhan dan menjaga penjarakan sosial).
- ii. Spesifikasi Ruang Senam Aerobik untuk kategori individu adalah 3m X 3m.

- iii. Spesifikasi Ruang Senam Aerobik untuk kategori keluarga dan muhibbah adalah 5m X 5m.
- iv. Masa Persembahan - 1 minit 20 saat (+/- 5 saat)

7.7 PENGADIL / HAKIM

Jawatankuasa Pengelola akan melantik dan menyediakan pengadil / hakim untuk bertugas untuk pertandingan ini.

7.8 BANTAHAN

Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan diterima.

7.9 PINDAAN DAN HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- i. Semua peraturan pertandingan yang dinyatakan di atas mesti dipatuhi. Sebarang pindaan kepada peraturan pertandingan tersebut hendaklah dipatuhi.
- ii. Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am dan Peraturan Pertandingan seperti di lampiran B akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola pertandingan dan keputusannya adalah muktamad.

LAMPIRAN A

Borang Pendaftaran Rasmi

Pertandingan e-Activ Jam Senam Aerobik KPM-MILO 2020

1. Kategori Individu

<https://bit.ly/38iXb5O>

2. Kategori Keluarga

<https://bit.ly/2BsKucE>

3. Kategori Muhibbah

<https://bit.ly/2Bmyaeh>

LAMPIRAN B

PERATURAN PERTANDINGAN

1. PERTUKARAN NAMA

Mana-mana peserta / pasukan tidak dibenarkan menukar nama yang telah didaftarkan di borang pendaftaran.

2. HAKIM

Hakim-hakim yang berkeelayakan dan berpengalaman akan dilantik oleh jawatankuasa pengelola untuk mengadili pertandingan ini. Panel hakim terdiri daripada:

- 2.1. *Chair Judge*
- 2.2. *Artistic Judge*
- 2.3. *Execution Judge*
- 2.4. *Line Judge*
- 2.5. *Time Keeper*

3. KOD PAKAIAN

- 3.1. Berpakaian kemas dan seragam serta menunjukkan kesukanan.

- 3.2 Rambut yang panjang mesti diikat sebagai sanggul dan kemas. Rambut tidak boleh menutup dahi dan hendaklah digel.
- 3.3 Barang kemas, jam tangan, cermin mata dan aksesori tidak dibenarkan.
- 3.4 Pemakaian yang melambangkan keganasan, keagamaan dan kekejaman tidak dibenarkan sama sekali.
- 3.5 Peserta dikehendaki memakai pakaian yang bersesuaian dengan kebudayaan negara dan bertanggungjawab menyediakan pakaian sukan sendiri.
- 3.6 Pakaian yang menjolok mata tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, tights panjang dan t-shirt boleh digunakan.

5. MUZIK

- 5.1 Mana-mana *genre* muzik *beat* 140-155 bpm dengan gabungan 2 atau 3 buah lagu termasuk lagu tema MILO sebagai lagu wajib. Muat turun lagu: <https://bit.ly/laguactive20>
- 5.2 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap mutu dan kualiti video. Oleh itu setiap peserta hendaklah memastikan mutu video berkualiti dan bermutu tinggi.

6. JANGKAMASA / TEMPOH PERSEMBAHAN

- a. Jangkamasa / tempoh persembahan 1 minit 20 saat +/- 5 saat.
- b. Masa hanya akan dikira apabila muzik dimainkan dan bukannya pada permulaan pergerakan melainkan kedua-duanya bermula serentak.

7. MAKLUMAT AM

- a. Pihak jawatankuasa pengelola tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh didakwa atas sebarang kecederaan semasa persediaan dibuat oleh peserta.

LAMPIRAN C

KRITERIA PEMARKAHAN

1. ARTISTIK

- 1.1 Komposisi (Kompleks dan Keaslian):
- i. Muzik -Kepelbagaian irama bukan satu rentak sahaja dan penggunaan *sound effect*. Muzik yang sesuai dengan pergerakan aerobik.
 - ii. Pergerakan - Pergerakan mestilah mengikut *beat*.
 - iii. Kandungan Am (*General Content*)
 - iv. Ruang/Formasi
 - v. Elemen *difficulties* dan *acrobatic* boleh dimasukkan di dalam rutin tetapi markah khusus diberikan.
- 1.2 Persembahan:
- i. Kesenian -Koreografi yang menunjukkan keunikan keseluruhan dan kombinasi yang asli dari penampilan muzik koreografi dan peralihan (*transition*).
 - ii. Tidak menggunakan sebarang peralatan.

2. KESEMPURNAAN PELAKSANAAN (*execution*)

2.1 Kemahiran Teknikal

- i. Berupaya mempersembahkan keseluruhan rutin dengan pergerakan yang menunjukkan kekuatan, kuasa dan fleksibiliti dengan pelaksanaan yang sempurna.
- ii. Ketepatan pergerakan.
- iii. Melakukan pergerakan dengan postur yang betul dalam keseluruhan rutin koreografi.
- iv. Mengawal seluruh pergerakan tanpa gangguan keseimbangan pada pendaratan dan lompatan.

2.2. Keseragaman

- i. Melakukan pergerakan yang sama dan serentak.
- ii. Susunan yang tepat dalam formasi.

3. UNSUR KESUKARAN (*difficulty elements*)

Peserta boleh membuat pilihan pergerakan dalam elemen kumpulan berikut:

3.1 Kumpulan A - Kekuatan Dinamik (*Dynamic Strength*)

Contoh : Push Up, Lunges, Sit Up

3.2 Kumpulan B - Kekuatan Statik (*Static Strength*)

Contoh : Straddle Support , L- Support .

3.3 Kumpulan C - Lompatan (*Jumps and Leaps*)

Contoh : Air Turn, Jumping Jack

3.4 Kumpulan D - Keseimbangan dan fleksibiliti



Contoh : Side Split, Back Split, Front Balance